



BOLA JARING

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Gabungan Persekutuan Bola Jaring Wanita Antarabangsa (IFNA) dan Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM).

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Antara Pasukan Universiti-Universiti Awam Malaysia.

4. PENDAFTARAN PERMAINAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

1. 15 orang Pemain
2. 1 orang Pengurus Pasukan
3. 1 Penolong Pengurus Pasukan
4. 1 orang Jurulatih Pasukan
5. 1 orang Penolong Jurulatih
6. 1 orang Pegawai Penjagaan Utama (*Primary Care Personnel*)

5. PASUKAN/PERTUKARAN PEMAIN

5.1 Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya minimum lima (5) orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada jumlah ini pasukan tersebut dikira menerima kekalahan.

5.2 Kecederaan dan kesakitan

5.2.1 Apabila seorang pemain mendapat cedera atau sakit semasa bermain, pemain dalam pasukan boleh meminta pemberhentian masa daripada pengadil perlawanan. Hanya Pegawai Penjagaan Utama (*Primary Care Personnel*) sahaja dibenarkan masuk ke dalam gelanggang untuk merawat pemain yang cedera tersebut. Sekiranya pasukan tidak mempunyai Pegawai Penjagaan Utama, pasukan perubatan yang bertugas di venue secara automatik bertindak sebagai Pegawai Penjagaan Utama tersebut.

5.2.2 Pemain lain tidak dibenarkan keluar daripada gelanggang. Hanya Pengurus Pasukan sahaja yang boleh memberi minuman, tuala muka dan sebagainya yang diminta oleh pemain yang berada di dalam gelanggang. Air tidak boleh dibaling atau seumpamanya. Pemain simpanan dan jurulatih TIDAK DIBENARKAN meninggalkan kerusi simpanan, bercakap atau memberi sebarang KEJURULATIHAN kepada pemain yang berada di dalam gelanggang semasa tempoh pemberhentian ini.

5.2.3 Masa pemberhentian kecederaan yang dibenarkan adalah seperti berikut :

5.2.3.1 Pemberhentian kecederaan kali pertama daripada mana-mana pasukan diberi sehingga dua (2) minit sahaja. Pemain boleh dirawat di dalam atau di luar gelanggang.

5.2.3.2 Pemberhentian kecederaan kali kedua dan seterusnya daripada pasukan yang sama dalam masa permainan yang sama diberi sehingga tiga puluh (30) saat sahaja. Pemain hendaklah dirawat di luar gelanggang atau pertukaran pemain dilakukan (bergantung daripada keputusan jurulatih pasukan). Sekiranya pemain lewat mengambil tempat selepas tempoh 30 saat, pemain tersebut tidak boleh terus memasuki gelanggang sehingga diberitahu oleh pengadil mengikut peraturan pemain yang lewat memasuki gelanggang.

5.2.3.3 Sekiranya pemberhentian diminta oleh pasukan yang berbeza maka kiraan kecederaan akan dikira bermula daripada yang pertama (1) dan seterusnya.

5.2.3.4 Pemberhentian kecederaan adalah mengikut pemberhentian yang ke berapa, pasukan yang meminta dan masa permainan yang terlibat. Pemberhentian kecederaan akan bermula baru apabila perlawanan memasuki masa perlawanan berikutnya.

6. SISTEM PERTANDINGAN

Sila rujuk Peraturan Am (9.0) MASUM

7. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

7.1 Secara Liga

7.1.1 Cara memberi mata:

Menang	-	3 mata
Seri	-	1 mata
Kalah	-	0 mata

7.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

7.1.2.1 Purata gol akan menentukan kedudukan (iaitu: jumlah jaringan gol dibahagi dengan jumlah gol yang kena)

7.1.2.2 Jika masih seri, maka perbezaan gol akan digunapakai (iaitu : jumlah jaringan gol ditolak dengan gol yang kena)

7.1.2.3 Jika masih seri, pasukan yang menjaring gol terbanyak akan diisytiharkan sebagai pemenang.

7.2 Secara kalah mati

Jika keputusannya berakhir dengan seri pada peringkat suku akhir, separuh Akhir dan Akhir, maka keputusan pertandingan akan ditentukan seperti berikut:-

7.2.1 Pertandingan disambung semula setelah berehat 3 minit.

7.2.2 Masa tambahan selama dua (2) x tujuh (7) minit setiap bahagian akan dimainkan.

7.2.3 Pasukan bertukar Kawasan Gol dan perlawanan dimulakan semula oleh pasukan yang berhak kepada Hantaran Tengah.

7.2.4 Pasukan bertukar Kawasan Gol di separuh masa tanpa rehat.

7.2.5 Hantaran Tengah diambil oleh pasukan yang berhak kepada Hantaran Tengah yang berikutnya.

7.2.6 Sekiranya berlaku seri diakhir masa tambahan permainan akan diteruskan sehingga satu pasukan mendapat dua (2) kelebihan gol.

8. MASA BERMAIN

20 minit x 5 minit x 20 minit

Pasukan hendaklah bertukar gol selepas separuh masa permainan.

9. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca, atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal diluar kawal kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan hendaklah dilangsungkan pada tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

10. PAKAIAN

9.1 Rujuk Undang-Undang Antarabangsa.

9.2 Huruf-huruf dibawah hendaklah disemadikan di bahagian hadapan dan belakang baju pemain iaitu :

GS	-	Penjaring Gol	<i>(Goal Shooter)</i>
GA	-	Penyerang Gol	<i>(Goal Attack)</i>
WA	-	Penyerang Sayap	<i>(Wing Attack)</i>
C	-	Pemain Tengah	<i>(Centre)</i>
WD	-	Penangkis Sayap	<i>(Wing Defence)</i>
GD	-	Penahan Gol	<i>(Goal Defence)</i>
GK	-	Penjaga Gol	<i>(Goal Keeper)</i>

11. KELEWATAN

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma kepada pasukan yang berada di gelanggang dengan 3 mata dan jaringan 10-0.

12. BANTAHAN/RAYUAN

Mengikut Peraturan Am Sukan MASUM (Perkara 13.0 dan 15.0).

13. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM